



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
13 Jun 2019 (KHAMIS)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	UNISEL, HIS TINGKAT PROSPEK KERJAYA INDUSTRI HALAL
MUKA SURAT	31 (VARSITI)

UNISEL, HIS tingkat prospek kerjaya industri halal

Shah Alam: Universiti Selangor (UNISEL) menjalin kerjasama dengan Halal International Selangor (HIS) bagi menganjurkan seminar bertemakan 'Kesedaran dan Prospek Kerjaya Industri Halal' yang diadakan di Kampus Shah Alam universiti itu, baru-baru ini.

Majlis perasmian seminar yang disertai lebih 300 peserta terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan serta Pembangunan Modal Insan Selangor, Mohd Khairuddin Othman.

Mohd Khairuddin berkata, program itu memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama pendedahan awal terhadap perkembangan industri halal tempatan mahupun global.



"Seminar ini amat penting kepada mahasiswa untuk memahami ekosistem industri halal dan peluang kerjaya dalam industri ini.

Impak positif
"Dengan ekosistem halal pada masa kini, maka keperluan kepada 'Halal Industry Players' yang kompeten adalah sangat tinggi,

bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Yangturutadiralah Presiden dan Naib Canselor

UNISEL, Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Institut Halal Antarabangsa UNISEL (INSHA) ditubuhkan pada 2017 ber-

matlamat mendokong Selangor menjadi sebuah negeri pilihan utama dalam bidang perdagangan halal tempatan dan global.

Sementara itu, Dr Mohamad Redzuan berkata, penganjuran acara itu ialah usaha bertepatan selaras dengan visi kerajaan negeri yang mahu menjadikan Selangor sebagai Global Halal Hub.

"INSHA sudah menganjurkan beberapa seminar dan forum berkaitan dengan halal, sekali gus meninggalkan impak positif kepada masyarakat tempatan serta antarabangsa.

"Buat masa ini, INSHA bergiat aktiviti dalam bidang penyelidikan halal dan berjaya mendapat geran penyelidikan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) berjumlah RM300,000," katanya.

Mohd Khairuddin (tengah) menerima cenderamata daripada wakil HIS, sambil disaksikan Prof Mohammad Redzuan (kiri) pada program seminar yang diadakan di UNISEL Kampus Shah Alam, baru-baru ini.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MOHON PANTAU PAIP BOCOR
MUKA SURAT	20

Mohon pantau paip bocor

Utusan - M/S - 20

SAUDARA PENGARANG,

KAMI penduduk sekitar kawasan Gombak, Selangor berasa amat kesal kerana sering berlaku kejadian paip utama pecah dan bocor.

Sebagai contoh pernah berlaku di Sri Gombak dan setelah kerja-kerja pemulihan dilakukan, paip tersebut hanya mampu bertahan selama sehari.

Setelah itu masalah bocor dan pecah kembali berulang.

Sebagai penduduk, kami ingin memohon agar pihak berkenaan memantau mutu paip yang digunakan serta kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang mendapat tugas atau tender pembaikan tersebut.

Apa yang kami tahu, paip tersebut sememangnya

bermasalah dan bukannya rosak akibat dilanggar oleh mana-mana kenderaan pun. Mohon pihak berwajib melakukan siasatan dan sebarang maklumat terkini hendaklah dimaklumkan kepada masyarakat setempat agar kami tidak lagi tertanya-tanya apa yang berlaku sebenarnya.

OMAR LOLO
Sri Gombak, Selangor

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	PARKIR BERTINGKAT BAKAL DIBINA DI TERMINAL BAS SEKSYEN 17
MUKA SURAT	46

Parkir bertingkat bakal dibina di Terminal Bas Seksyen 17

SHAH ALAM 12 Jun - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan membina kemudahan tempat letak kereta bertingkat bersebelahan Terminal Bas Seksyen 17 di sini.

Timbalan Datuk Bandar Mohd Rashidi Ruslan berkata, pembinaan bangunan berkenaan yang mempunyai sebanyak 300 tempat letak kereta sudah mendapat kelulusan daripada MBSA dan kini dalam proses melantik kontraktor.

“Kawasan tempat letak kereta bertingkat ini akan dibina kira-kira 10 meter dari terminal bas ini dan akan dilengkapi dengan kira-kira 30 gerai.

“Kami jangka pembinaan tempat letak kereta bertingkat ini akan disiapkan dalam masa dua tahun,” katanya kepada pemberita ketika mengiringi lawatan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han ke termi-

nal berkenaan di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai rungutan pengguna terminal berkenaan berhubung kemudahan tempat letak kereta yang tidak mencukupi.

Sementara itu, Ng berkata, beliau berpuas hati dengan operasi terminal berkenaan yang jauh lebih moden dan selesa berbanding terminal sementara di Seksyen 13.

Terminal itu yang mula dibuka pada 1 Mei lepas beroperasi 24 jam setiap hari dan mempunyai ruang menunggu yang selesa, surau, tandas, gerai dan tempat mengambil dan menurunkan penumpang.

Terminal berkenaan memberi fokus kepada perkhidmatan bas ekspres untuk destinasi ke utara, selatan dan pantai timur, selain itu terminal berkenaan juga diintegrasikan dengan perkhidmatan bas Smart Selangor dan teksi. - BERNAMA



NG SZE HAN (dua dari kanan) bersama Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan (kanan) beramah mesra dengan orang ramai di Terminal Bas Seksyen 17, Shah Alam, Selangor, baru-baru ini. - BERNAMA *UTUSAN - M/S - 46*

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	GARIS 5 TERAS BANDAR RAYA
MUKA SURAT	35

H. Metro - m/s-35

Garis 5 teras bandar raya 3S

Shah Alam: Datuk Bandar Shah Alam baharu Datuk Haris Kasim mengangkat sumpah jawatan itu di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini, semalam.

Majlis angkat sumpah Haris, 57, disaksikan Orang Besar Daerah Petaling Datuk Emran Kadir, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan dan Ahli Majlis MBSA.

Sebelum ini, Haris adalah Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sejak 2015.

Haris berkata, beliau menggariskan lima teras dalam menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya yang selamat, selesa dan sejahtera (3S).

Katanya, fokus utama adalah terhadap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk memperkasakan kerja berkaitan perkara itu.

“Selain itu, kami akan mendekati masyarakat melalui aktiviti turun padang, serta menyediakan dan mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian melalui kebudayaan teknologi.

“Tumpuan juga diberikan untuk menambah hasil MBSA melalui kutipan tunggakan dan meningkatkan hasil majlis melalui sumber hasil baharu.

“Kami turut mahu memperkasakan sumber manusia iaitu dengan memantapkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan melalui kursus serta latihan,” katanya selepas majlis itu.

Anak kelahiran Perak itu adalah datuk bandar kelapan menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah, Tanah dan Galian (JKPTG), Januari lalu.



HARIS mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar Shah Alam di Wisma MBSA, semalam.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	3 PAGI PUN SUSAH CARI PARKIR
MUKA SURAT	35

Serdang: “Saya datang ke Hospital Serdang jam 3 pagi pun, tempat letak kereta penuh dan saya terpaksa menunggu lama untuk kereta yang ada di petak itu keluar,” kata Nordiana Mohd Ismail, 35, yang membawa adiknya ke hospital itu untuk mendapatkan rawatan kecemasan kerana tiba-tiba diserang gastrik, baru-baru ini.

Nordiana yang tinggal di Bandar Seri Putra berkata, apabila dalam keadaan kecemasan, hanya terlintas di fikirannya Hospital Serdang kerana terletak berhampiran dengan rumahnya.

Dia juga puas hati dengan rawatan yang diberikan pegawai perubatan hospital itu kepada adiknya cuma isu parkir tidak pernah selesai.

“Saya lihat semakin ramai yang datang mendapatkan rawatan di hospital ini dan jika datang terlewat sedikit, kawasan parkir yang disediakan pihak hospital tidak cukup dan terpaksa meletak



“Saya harap pihak berkaitan melakukan sesuatu berhubung masalah parkir”

Nordiana

kereta di bahu jalan utama dan kami terpaksa berjalan jauh.

“Tiada pilihan dan dalam keadaan cuaca panas sekarang serta dalam keadaan adik yang tidak berapa sihat,



KENDERAAN yang diparkir di bahu jalan di Hospital Serdang.

H. Metro - m/s - 35

saya terpaksa menghantarnya dulu di hospital sementara saya mencari parkir.

“Saya harap pihak berkaitan melakukan sesuatu berhubung masalah parkir dan jika yang datang untuk mendapatkan rawatan adalah

warga emas, keadaan ini menyusahkan mereka,” katanya, semalam.

Mohd Yusof Ismail, 39, yang menghidap penyakit sukar buang air kecil datang seawal jam 8 pagi dan selepas tiga empat kali berlegar

mencari parkir, masih tiada yang kosong.

“Oleh kerana tidak mahu terus buang masa mencari parkir, saya terpaksa letak kereta di bahu jalan utama yang juga sudah penuh dan saya terus memandu sehing-

ga hujung jalan berhampiran kuil.

“Hampir satu kilometer saya berjalan ke hospital.

“Sudahlah saya tidak berapa sihat, kena berjalan lagi. Saya fikir apabila datang jam 8 pagi, adalah parkir. Rupanya datangnya dalam waktu mana pun, keadaan tetap sama,” katanya.

Abdul Razak Mohd Rozali, 43, yang datang ke hospital terbabit mengambil ubat sawan anaknya sekali atau dua kali sebulan mengikut keadaan kesihatan anaknya, Abdul Hasbi Wafi, 7, juga berhadapan masalah sama.

“Kawasan depan hospital ini ada dua tempat parkir, tetapi satu kawasan dikhususkan untuk kakitangan hospital dan satu lagi untuk orang awam.

“Bimbang juga apabila meletak kereta di bahu jalan utama kerana takut disaman polis trafik. Jadi saya tunggu dalam kereta sementara isteri mengambil ubat,” katanya.



AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	HARIS DILANTIK DATUK BANDAR SHAH ALAM
MUKA SURAT	6

Haris dilantik Datuk Bandar Shah Alam *kosmo-m/s-6*

SHAH ALAM – Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim dilantik sebagai Datuk Bandar Shah Alam yang baharu berkuat kuasa 3 Jun lalu.

Haris, 57, yang juga pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Malaya menggalas tugas itu bagi menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad yang kini menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Selain menggalas jawatan Pengarah JAIS bermula tahun 2015, Haris juga per-

nah bertugas sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor bermula daripada tahun 2005 hingga 2011 dan Pegawai Daerah Pejabat Daerah Hulu Langat dan Sepang antara 2011 hingga 2014.

Menurut Haris, sebagai penguasa tempatan, beliau komited untuk melaksanakan lima teras perkhidmatan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

“Pertama adalah peman-tapan perkhidmatan per-bandaran dan pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam termasuk mem-

perkasakan kerja-kerja kutipan sisa pepejal, pembersihan longkang, pemotongan rumput dan kutipan sampah pual.

“Kedua, mendekati masyarakat dengan program turun padang supaya masalah yang dihadapi terutamanya pembayar cukai dapat dide-ngar dan diatasi dengan cara bersemuka,” katanya pada Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar Shah Alam di Wisma MBSA di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd. Rashidi Ruslan.

Selain itu, Haris berkata, beliau juga akan mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian melalui pembudayaan teknologi supaya memudahkan masyarakat berurusan dengan pihak MBSA.

Pentadbiran MBSA seluas 290.3 kilometer persegi dan anggaran penduduk pada tahun 2019 lebih kurang 650,000 orang.

HARIS mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar Shah Alam di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor semalam.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KLIK
MUKA SURAT	9



[KLIK]

Satu majlis solat hajat menolak fitnah dan bacaan Yasin diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati, Seksyen 7 di Shah Alam malam tadi. Difahamkan, ia berkaitan dengan penyebaran sebuah klip video seks membabitkan pemimpin parti itu yang diperkatakan umum sejak semalam. Majlis dimulakan pada jam 7 malam dengan solat Maghrib berjemaah sebelum diteruskan dengan bacaan Yasin, solat Isyak dan solat hajat.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LIMA TERAS MANTAPKAN MBSA
MUKA SURAT	20

Lima teras mantapkan MBSA

Haris angkat sumpah Datuk Bandar Shah Alam ke-8 semalam

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM



Haris (tengah) bertemu dengan Ahli Majlis MBSA yang hadir pada Majlis Angkat Sumpah di Wisma MBSA di Shah Alam semalam.

Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim semalam mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar Shah Alam yang baharu.

Pelantikan beliau sebagai Datuk Bandar Shah Alam ke-8 itu menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian berkuatkuasa 7 Januari lalu.

Haris, 57, melaporkan diri pada 3 Jun lalu untuk memulakan tugas baharu tersebut yang sebelum ini dipangku oleh Timbalan Datuk Bandar, Mohd Rashidi

Ruslan.

Haris ketika ditemui media berkata, sebagai Datuk Bandar yang baharu beliau akan memberi penumpuan kepada lima teras iaitu pemantapan perkhidmatan perbandaran, mendekati masyarakat melalui aktiviti turun padang, mempelbagaikan per-

khidmatan dalam talian melalui pembudayaan teknologi, pengukuhan kewangan melalui peningkatan hasil dan memperkasa sumber manusia.

"Inilah yang akan diberi perhatian untuk menjadikan Shah Alam bandaraya yang 'Selamat, Selesa dan Sejahtera', katanya.

Datuk Bandar Shah Alam



Datuk Abu Sajak Mahmud (2000-2002)

Datuk Salamon Selamat (2002-2004)

Datuk Fami Mahmud (2004-2006)

Datuk Ramlan Othman (2006-2007)



Datuk Mazlan Md Noor (2007-2011)

Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan (2011-2014)



Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad (2015-2019)



Datuk Haris Kasim (2019-2021)

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SAMPAH PUNCA BANJIR
MUKA SURAT	24

Sampah punca banjir

Masyarakat diminta bersama menjaga kebersihan

AHMAD ISMADI ISMAIL

SEMENYIH

Sistem saliran yang dipenuhi sampah termasuk sisa binaan dan sampah pukal dari rumah antara punca utama banjir kilat di hadapan Klinik Kesihatan Kajang kelmarin.

Keadaan itu turut menyebabkan longkang dan parit tersumbat sehingga tidak mampu menampung hujan lebat.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Muhammad Hanafi Jalalludin berkata, hujan lebat selama sejam mengakibatkan banjir di kawasan itu.

"Saya mohon kerjasama masyarakat supaya tidak membuang sampah. Kita ambil inisiatif membersihkannya bukan membuang sampah ke dalam parit atau longkang begitu sahaja," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Muhammad Hanafi berkata, masyarakat juga tidak boleh mengharapkan MPKj dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) semata-mata untuk melakukan kerja-kerja pembersihan sistem saliran sebaliknya menjadi tanggungjawab bersama.

Beliau berharap kejadian banjir menjadi tauladan kepada



Banjir di hadapan Klinik Kesihatan Kajang kelmarin.



Sistem saliran yang tersumbat akibat sampah antara punca banjir di hadapan Klinik Kesihatan Kajang kelmarin.

penduduk supaya perkara sama tidak berulang.

"Kerajaan negeri sudah mengeluarkan banyak peruntukan membaiki sistem tebatan banjir dengan membesarkan longkang dan parit," katanya.

Dalam kejadian jam 2 petang kelmarin hujan lebat yang melanda beberapa kawasan di Se-

menyih mengakibatkan banjir kilat dan pokok tumbang.

Jalan di hadapan Klinik Kesihatan Kajang di sini digenangi air.

Kawasan lain yang turut terjejas ialah Sekolah Rendah Agama Kampung Sesapan Batu Minangkabau dan Kampung Sesapan Batu Rembau.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BEROPERASI TANPA LESEN
MUKA SURAT	34

Beroperasi tanpa lesen

Kilang kitar semula kayu lakukan pembakaran waktu malam

MOHD RIDZUAN
ABU HASSAN

KERLING

Sebuah kilang kitar semula kayu di Kampung Sungai Jang dekat sini yang melakukan pembakaran pada waktu malam dikesan beroperasi tanpa lesen.

Setiasaha Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Awaluddin Zakaria berkata,

penguatkuasa MDHS meninjau lokasi kilang berkenaan selepas menerima aduan pembakaran yang mengakibatkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

Menurutnya, tinjauan jam 9 pagi kelmarin menemui kesan pembakaran di tapak kosong berhampiran kilang terbabit.

"Ketika ditanya oleh anggota penguatkuasa, salah seorang pekerja kilang memaklumkan bahawa mereka telah membakar sampah domestik dan juga sisa plastik yang tidak digunakan.

"Pembakaran dilakukan pihak kilang pada waktu malam iaitu sebelum anggota penguatkuasa MDHS membuat pemeriksaan di lokasi tersebut.

"Premis itu juga didapati pernah mempunyai lesen perniagaan sementara

yang dikeluarkan oleh MDHS namun gagal menghidupkan semula lesen perniagaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Awaluddin berkata, kegagalan memperbaharui lesen perniagaan berikutan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MDHS awal tahun ini tidak membenarkan kilang beroperasi di atas tanah berstatus pertanian.

Menurutnya, permohonan lesen perniagaan tidak akan diproses jika pemilik tanah dan penguasa kilang gagal mengemukakan bukti berkaitan.

"Antaranya mereka telah membuat permohonan bertulis untuk mengubah status tanah daripada pertanian kepada perusahaan di Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor.

info

Lokasi itu berstatus pertanian dan kilang tidak dibenarkan beroperasi

"Pihak berkenaan juga perlu menghantar permohonan kebenaran merancang kepada pihak MDHS," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, kompaun dikeluarkan kepada kilang terbabit di bawah Undang-undang Kecil 3, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDHS 2007.

Menurutnya, amaran turut diberikan kepada pengurusan premis supaya tidak membakar lagi sisa plastik di lokasi tersebut.

Penduduk terganggu bau busuk

KERLING - Sebuah kilang dikesan melakukan pembakaran yang mengeluarkan asap busuk sehingga mengundang tidak selesa kepada penduduk di Kampung Air Panas dekat sini sejak sebulan lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kubu Bharu, Lew Kee Hiong berkata, penduduk mengadu menghidu bau seperti kebakaran yang mengganggu tidur kerana berlaku pada sebelah malam.

Menurutnya, pada jam 10.30 malam kelmarin, Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Kanagaraja dan ketua kampung tersebut, Chiang Fook Kuang berjaya mengesan punca bau berkenaan.

"Ada pihak kilang yang tidak

tidak akan berkompromi terhadap isu yang mengancam kesihatan penduduk.

"Saya juga telah maklumkan kepada Exco Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian selain MDHS dan Jabatan Alam Sekitar akan bertindak terhadap pihak kilang terbabit.

"Difahamkan kilang ini membuat bahan binaan batu bata dan bau asap kebakaran menyebabkan penduduk pedih hidung," katanya.



Keratan Sinar Harian semalam.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	HARIS KASIM IS NEW SHAH ALAM MAYOR
MUKA SURAT	4

Haris Kasim is new Shah Alam mayor

Former state religious director outlines core areas of focus to better city's management



(Above) The new mayor aims to improve solid waste management and cleansing services. – Filepic

(Left) Haris (centre) during the swearing-in ceremony. – RAJA FAISAL HISHAN/The Star

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

SHAH Alam's eighth mayor, Datuk Haris Kasim, has been sworn in.

The former director of Selangor Islamic Religious Department took over the mayoral position from Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, who was promoted to Land and Mines Department as its director-general in January.

During the swearing-in ceremony at Shah Alam City Council (MBSA) yesterday attended by MBSA councillors, department heads and assemblymen, Haris outlined five core areas that he would be looking into.

"My main focus is to provide better solid waste management and public cleansing services to the people of this city.

"It includes cleaning drains, cutting grass, ensuring roads are

cleaned and rubbish is collected on time," said the 57-year-old who has a social sciences background.

He also wants MBSA officers to meet with the people more often by organising community-related events and solving issues brought up by residents as well as those working in the city.

"As we are a growing city, we have to keep up with what the community wants fast and

efficiently, hence we need to improve the way we interact with the public."

On revenue for the council, he said MBSA would focus on collecting assessment arrears while finding new avenues to increase their revenue.

"Our staff are important too and I hope to empower them through courses and activities to ensure they keep up with the times," he said, adding that he

hoped for guidance and support from councillors in managing the city.

Haris also thanked Selangor Menteri Besar Amiruddin Shaari and the state government for entrusting him with managing the state capital.

He previously served in the Kuala Selangor District Office, Hulu Langat Land and District Office and Sepang Land and District Office.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MBPJ SHOWS ITS CARING SIDE
MUKA SURAT	6

MBPJ shows its caring side

IN THE spirit of giving, Petaling Jaya City Council (MBPJ) handed out goodies to 2,100 employees in conjunction with Hari Raya Aidilfitri.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar gave kain batik, kain pelikat and bubur lambuk to staff in appreciation for their hard work during a special ceremony.

MBPJ also contributed RM200 in cash and RM200 in Mydin vouchers to 90 people, comprising single mothers and those with disabled children living in PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Desa Mentari, Taman Medan and Taman Dato' Harun.

A total of 23 children of MBPJ staff also received cash prizes for their excellent examination results.



Sayuthi giving out bubur lambuk to an odd-job worker at Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya to mark Hari Raya.

AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	HARIS TAKES OATS AS MAYOR
MUKA SURAT	6

Haris takes oath as mayor THE SUN - Page-6

SHAH ALAM: Datuk Haris Kasim (*pix*) took his oath of office as the 8th mayor of Shah Alam at Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam yesterday.

Perak-born Haris, 57, replaced Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, who was appointed as the director-general of the Land and Mineral Department last January.

The oath-taking ceremony was witnessed by Orang Besar Daerah



Petaling Datuk Emran Kadir, Deputy Mayor Mohd Rashidi Ruslan and members of the Shah Alam City Council.

Haris holds a Bachelor's degree in social science from Universiti of Malaya and a diploma in public management and administration from the National Institute of Public Administration, besides having vast experience in the field of public administration.

– Bernama